

## **BAB 2: TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN**

### **2.1 Pengenalan**

Telah ada kajian dijalankan berhubung dengan tajuk atau persoalan dalam kajian ini sama ada kajian dalam atau luar negara. Kajian-kajian ini meliputi kajian tentang proses pelaksanaan program bimbingan dan kaunseling di sekolah, peranan guru pembimbing atau kaunselor, status perkhidmatan bimbingan serta persepsi pelajar tentang perkhidmatan bimbingan.

Selain itu, terdapat juga bahan-bahan bertulis seperti buku Panduan Pelaksanaan Khidmat Bimbingan Di Sekolah (1984) yang diterbitkan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling, Kementerian Pendidikan Malaysia dan risalah yang bertajuk Perkhidmatan Panduan di sekolah (1966) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Surat-surat pekeliling, kertas-kertas kerja seminar dan artikel-artikel juga banyak membincangkan konsep, objektif, proses pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling serta peranan kaunselor. Dapatkan kajian ini telah menjadi panduan yang menjurus kepada kajian tentang penilaian para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Tinjauan kajian yang berkaitan ini dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, peranan dan ciri-ciri seorang kaunselor dan pandangan para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

## **2.2 Kepentingan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling**

### **2.2.1 Kajian Dalam Negeri**

Terdapat beberapa kajian tentang kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar di sekolah yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan.

Kajian yang dijalankan oleh Dr Suradi Salim (1986) di 7 buah sekolah yang melibatkan 171 orang pelajar di negeri Selangor melalui kaedah soal-selidik mengkaji keperluan para pelajar sekolah menengah di negeri Selangor. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti di manakah para pelajar sekolah menengah negeri Selangor yang memerlukan bantuan. Penyelidik berharap hasil daripada kajian akan dapat digunakan untuk merancang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling bagi membantu pelajar meningkatkan pencapaian mereka dalam bidang akademik dan menyesuaikan diri dengan sekolah, asrama dan masyarakat setempat. Sekolah-sekolah ini telah dipilih berdasarkan kepada sekolah berpencapaian tinggi, sederhana, rendah dan sekolah berasrama. Hanya pelajar tingkatan 4 ke atas sahaja yang terlibat dalam kajian ini. Satu inventori keperluan yang mengandungi 225 item yang terdiri daripada 9 bidang dibentuk. Dalam setiap bidang pula terdapat 25 perkara. Markat min digunakan untuk menentukan tahap tinggi rendah keperluan bidang tersebut kepada pelajar. Analisis Varians dan Ujian *t* digunakan untuk menentukan perbezaan antara kumpulan.

Dapatan kajian menunjukkan markah min yang diperoleh oleh pelajar dalam semua bidang adalah agak tinggi iaitu lebih daripada tahap pertengahan. Bidang yang paling diperlukan oleh pelajar ialah bantuan dalam perkembangan pelajaran dan vokasional iaitu mencatatkan markat min sebanyak 55.4. Ini diikuti dengan bidang kemahiran belajar yang mencatatkan markat min sebanyak 54.2. Sementara itu, bidang kerjaya mencatatkan markat min sebanyak 51.8. Ini menunjukkan sebahagian besar pelajar di sekolah menengah yang terlibat dalam kajian ini menyatakan bahawa mereka memerlukan bimbingan dalam bidang pelajaran, vokasional, kemahiran belajar, kerjaya dan sosial.

Dalam semua bidang, markat min bagi pelajar-pelajar dari luar bandar adalah lebih tinggi daripada markat min pelajar-pelajar dari bandar. Bagi bidang kemahiran belajar, pelajar dari bandar mencatatkan markat min sebanyak 48.4 dan dari luar bandar sebanyak 58.3. Ini menunjukkan bahawa pelajar luar bandar lebih memerlukan bimbingan kemahiran belajar daripada pelajar bandar. Pelajar-pelajar Melayu lebih memerlukan bimbingan kemahiran belajar jika dibandingkan dengan kaum lain iaitu pelajar Melayu mencatatkan markat min sebanyak 57.0 berbanding dengan pelajar Cina yang mencatatkan markat min sebanyak 48.2. Bidang perkembangan kerohanian dan moral merupakan bidang yang paling kurang diperlukan oleh pelajar dengan mencatatkan markat min sebanyak 49.9. Oleh itu perkhidmatan bimbingan dan kaunseling

diperlukan untuk membantu pelajar menghadapi masalah peribadi, akademik dan kerjaya mereka.

Kajian soal-selidik oleh Nasruddin Mohamed (1993) ke atas 201 orang penuntut-penuntut diploma semester 2 hingga semester 6, Institut Teknologi Mara (ITM) telah menunjukkan bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling penting dan diperlukan oleh pelajar dalam mengatasi masalah dalam bidang akademik, peribadi dan kerjaya. Kajian menilai keberkesanan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling berdasarkan persepsi sekelompok para penuntut ITM, Shah Alam. Keberkesanan tersebut bertumpu kepada sejauhmanakah berkesannya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling terhadap aspek peribadi, akademik dan kerjaya pelajar.

Satu set soal-selidik yang mengandungi 61 item dibentuk untuk menilai keberkesanan perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling. Peratusan digunakan untuk menilai keberkesanan perkhidmatan ini dan gandariah digunakan untuk menunjukkan perbezaan keberkesanan mengikut jantina dan pencapaian penuntut.

Sebanyak 97.6% pelajar yang paling banyak menggunakan perkhidmatan perpustakaan Unit Kaunseling. 91.5% pelajar menggunakan perkhidmatan teknik pembelajaran. Sebanyak 87.5% pelajar menggunakan perkhidmatan bengkel motivasi. Perkhidmatan ekspo kerjaya juga tidak kurang pentingnya kepada para pelajar di ITM.

87.6% pelajar menggunakan perkhidmatan ini. 84.1% penuntut menggunakan perkhidmatan bengkel kerjaya. Bagi perkhidmatan ekspo pengajian tinggi, 81.6% yang menggunakan perkhidmatan ini. Perkhidmatan pendaftaran pekerjaan merupakan perkhidmatan yang paling kurang penggunaannya iaitu hanya 41.3% pelajar yang menggunakan perkhidmatan ini.

Sebanyak 84.6% penuntut menganggap perkhidmatan bengkel motivasi berguna manakala 84.1% penuntut menganggap perkhidmatan kaunseling individu berguna kepada aspek peribadi mereka. 78.6% penuntut menganggap perkhidmatan kaunseling sebaya berguna kepada diri mereka.

83.1% penuntut menganggap perkhidmatan bengkel motivasi sebagai paling berguna kepada bidang akademik mereka. Walau bagaimanapun, hanya 43.3% penuntut menganggap perkhidmatan teknik pembelajaran sebagai berguna. Bagi perkhidmatan pidato awam, 21.9% pelajar menyatakan perkhidmatan tersebut berguna kepada bidang akademik mereka. 36.3% penuntut menganggap perkhidmatan perpustakaan berguna kepada diri mereka.

Bagi aspek kerjaya pula, 81.6% penuntut menganggap perkhidmatan temu duga berguna kepada diri mereka. 72.7% responden menganggap ekspo kerjaya sebagai berguna. 67.7% responden pula menyatakan perkhidmatan bengkel kerjaya berguna dan

memberi manfaat kepada diri mereka, manakala 63.7% penuntut menganggap perkhidmatan pendaftaran pekerjaan berguna kepada mereka.

Penyelidik boleh meminta responden memberi cadangan membaiki perkhidmatan yang disediakan oleh Unit Kerjaya dan Kaunseling. Responden juga boleh diminta memberikan sebab para penuntut tidak menggunakan sepenuhnya perkhidmatan yang disediakan. Maklumat yang diperoleh dapat digunakan untuk membaiki kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan kaunseling supaya dapat membantu pelajar mengatasi masalah dalam bidang akademik, peribadi dan kerjaya mereka.

Dalam kajian lain oleh Rohana binti Zubir (1974) yang melibatkan 640 orang pelajar dan 80 orang guru, beliau telah mengkaji pandangan para guru dan pelajar terhadap masalah yang dihadapi oleh golongan remaja iaitu pelajar yang berumur dari 14 hingga 16 tahun. Kajian dijalankan di 2 buah sekolah di Petaling Jaya dan 6 buah sekolah di Kuala Lumpur. Masalah yang disenaraikan dalam borang soal-selidik ialah masalah fizikal dan kesihatan, kewangan, keadaan hidup dan pekerjaan harian, sosial dan aktiviti rekreasi, seks dan perkahwinan, hubungan sosial dan psikologi, hubungan peribadi dan psikologi, moral dan agama, rumah tangga dan keluarga, pendidikan dan kerjaya, penyesuaian terhadap kerja sekolah dan bidang pelajaran serta cara pengajaran guru di sekolah. 58.3% guru dan 52.6% pelajar pula mempunyai pandangan bahawa masa depan pelajar dalam bidang pendidikan dan kerjaya lebih merupakan masalah yang harus difikirkan oleh para pelajar.

57% guru dan 47.9% pelajar berpendapat bahawa hubungan pelajar dengan keluarga merupakan masalah yang dihadapi oleh pelajar. 61.4% guru dan 50.8% pelajar pula berpendapat bahawa hubungan peribadi dan psikologi juga merupakan masalah utama yang dihadapi oleh pelajar. Daripada masalah-masalah yang tersenarai dalam borang soal-selidik, para guru dan pelajar lelaki menyatakan bahawa masalah akademik, kerjaya, penyesuaian terhadap kerja sekolah, bidang pelajaran dan cara pengajaran guru di sekolah merupakan masalah yang paling serius kepada para pelajar.

61% guru dan 58.8% pelajar lelaki menghadapi masalah penyesuaian dengan kerja sekolah. Pengajaran guru di sekolah merupakan masalah kedua paling serius bagi 54.6% pelajar dan 65.8% guru. Bagi masalah akademik dan kerjaya, 61.0% guru dan 58.8% pelajar berpendapat bahawa ini merupakan masalah yang serius kepada para pelajar.

Pelajar perempuan juga menganggap bahawa masalah penyesuaian terhadap kerja sekolah, masalah akademik, kerjaya, dan cara pengajaran guru di sekolah merupakan masalah yang paling serius. 71.6% guru dan 66.4% pelajar perempuan menghadapi masalah penyesuaian dengan kerja sekolah. 62.5% guru dan 63.1% pelajar perempuan berpendapat bahawa bidang akademik dan kerjaya merupakan masalah serius bagi para pelajar, manakala 63.1% guru dan 53.6% pelajar berpendapat bahawa bidang akademik dan cara pengajaran guru di sekolah merupakan antara masalah yang serius di kalangan pelajar.

Kajian oleh Dr Suradi Salim (1986) juga seperti kajian di atas menunjukkan bahawa pelajar paling memerlukan bantuan dalam bidang perkembangan pelajaran dan vokasional. Penyelidik juga boleh menyenaraikan masalah penyesuaian dengan persekitaran di sekolah seperti tekanan daripada rakan sebaya sebagai salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh para pelajar di sekolah. Penyelidik juga boleh meninjau masalah yang dihadapi oleh para pelajar mengikut latar belakang sosio-ekonomi dan etnik. Dengan hasil daripada kajian ini, tindakan lanjut dapat diambil untuk mengatasi masalah pelajar melalui proses kaunseling dengan mengambil kira faktor etnik dan latar belakang sosio-ekonomi pelajar tersebut. Dengan itu, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling merupakan saluran yang sangat penting dan berguna bagi membantu pelajar di sekolah.

Kajian berbentuk soal-selidik oleh Kek Lian Wah (1997) adalah untuk menilai keberkesanan Program Pendedahan Kerjaya yang dijalankan di sebuah sekolah menengah di Kuala Selangor yang menunjukkan terdapatnya peningkatan pengetahuan dan kesedaran tentang bidang kerjaya setelah para pelajar menyertai Program Pendedahan Kerjaya. Sampel kajian terdiri daripada 40 orang pelajar tingkatan 4 jurusan Sains dan Perdagangan. Program Pendedahan Kerjaya ini mengandungi aktiviti memahami diri, pemberian maklumat kerjaya, perbincangan kerjaya dan latihan merancang kerjaya.

Sebelum menyertai Program Pendedahan Kerjaya, para pelajar diminta menulis pekerjaan yang ingin diceburi apabila tamat persekolahan kelak untuk meninjau

pengetahuan pelajar mengenai perancangan kerjaya. Sebelum menyertai Program Pendedahan Kerjaya, 75% pelajar memilih pekerjaan yang tergolong dalam kumpulan profesional dan teknikal sebagai pekerjaan mereka kelak berbanding dengan 72.5% pelajar yang memilih pekerjaan dalam bidang ini selepas menyertai program ini. 12.5% pelajar memilih bidang perkeranian sebagai kerjaya mereka selepas mengikuti program ini berbanding dengan 7.5% pelajar sebelum mengikuti program ini. Tiada pelajar yang memilih pekerjaan jualan sebelum mengikuti program, tetapi selepas menyertai program, 2.5% pelajar memilih pekerjaan ini.

Sebelum menyertai program ini, 70% pelajar tidak tahu tentang kelayakan akademik yang diperlukan untuk mengikuti kursus yang ingin diikuti. Selepas menyertai program ini, 95% pelajar telah mengetahui kelayakan-kelayakan yang diperlukan untuk mengikuti kursus yang ingin diikuti.

Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat peningkatan pengetahuan mengenai perancangan kerjaya di kalangan peserta yang telah menyertai Program Pendedahan Kerjaya. Penyelidik telah menjalankan sebuah kajian yang terperinci dengan menyelidik pengetahuan pelajar mengenai perancangan kerjaya. Penyelidik juga membuat perbandingan sama ada terdapat peningkatan dari segi pengetahuan mengenai pekerjaan dan perancangan kerjaya di kalangan pelajar selepas menyertai Program Pendedahan Kerjaya. Penilaian terhadap program ini dibuat dengan meminta pelajar memberikan pandangan mengenai pengendalian program ini.

Penyelidik boleh membuat perbandingan pengetahuan mengenai perancangan kerjaya mengikut jantina, kaum dan latar belakang sosio-ekonomi. Penyelidik akan dapat mengenal pasti kecenderungan kerjaya pelajar mengikut jantina, kaum dan latar belakang sosio-ekonomi. Dengan itu, pelajar digalakkan memilih kerjaya yang sesuai dengan diri mereka.

Penyelidik dapat menilai pengaruh latar belakang sosio-ekonomi pelajar terhadap pemilihan kerjaya mereka. Tindakan susulan dapat diambil dengan menjemput ibu bapa dari pelbagai latar belakang sosio-ekonomi bagi menyertai seminar kerjaya supaya dapat meningkatkan pengetahuan mereka tentang dunia pekerjaan. Dengan itu, ibu bapa dapat menggalakkan anak-anak mereka menceburi bidang pekerjaan yang sesuai dengan keupayaan dan minat anak mereka. Ini dapat dilihat dalam kajian soal-selidik oleh Rahimah Md Sura (1991) ke atas 245 orang pelajar tingkatan lima sains dan sastera 55.1% pelajar luar bandar mempunyai kesedaran dan pengetahuan tentang bidang kerjaya. Pelajar-pelajar di luar bandar dapat memberikan 38 hingga 48 jenis pekerjaan yang terdapat di pasaran berbanding dengan 52.0% pelajar yang tinggal di bandar. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang tinggal di bandar tidak semestinya mengetahui jenis pekerjaan yang terdapat di pasaran.

Para pelajar harus digalakkan agar melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan tentang dunia pekerjaan. Maka peranan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah adalah penting sebagai saluran maklumat kepada para pelajar.

### **2.2.2 Kajian Luar Negeri**

Banyak kajian luar negeri tentang kepentingan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah telah dijalankan. Kajian soal-selidik oleh Haettenschweiler dan Jabs (1969) ke atas 138 orang pentadbir, guru dan kaunselor dari 8 buah sekolah mendapati 72% guru berpendapat bahawa kaunselor memang membekalkan maklumat vokasional dan pendidikan untuk para pelajar dan guru. 80% guru pula berpendapat bahawa kaunselor berjaya memainkan peranannya dalam membantu pelajar menghadapi masalah dalam pelajaran. 79% guru menyatakan bahawa kaunselor juga sentiasa memberi maklumat tentang rekod aptitud dan pencapaian para pelajar kepada guru-guru. 58% guru berbanding dengan 63% pentadbir berpandangan bahawa kaunselor membekalkan guru dengan maklumat pendidikan dan kerjaya untuk kegunaan pelajar. 69% pentadbir berbanding dengan 62% guru berpendapat bahawa kaunselor dapat berbincang dengan guru tentang masalah tingkah laku dan pembelajaran pelajar. Didapati bilangan item soal-selidik pada setiap bahagian adalah tidak konsisten. Soal-selidik akan menjadi lebih lengkap jika bilangan item bagi setiap bahagian adalah konsisten.

Hasil kajian oleh Agnes Lau (1995) menunjukkan hasil yang berbeza. Kajian beliau melibatkan 492 orang pelajar di Hong Kong. Kajian soal-selidik beliau mendapati 184 orang pelajar berpendapat bahawa perkhidmatan kaunseling untuk individu yang mempunyai masalah. 84 orang pelajar pula berpendapat bahawa perkhidmatan kaunseling dapat membantu mereka memahami diri mereka sendiri. 218 orang pelajar berpendapat, perkhidmatan kaunseling dapat membekalkan mereka dengan maklumat kerjaya. Hanya 38 orang pelajar yang sanggup berjumpa dengan kaunselor jika mereka menghadapi masalah. Sebanyak 143 orang pelajar akan berjumpa dengan kaunselor jika mereka ingin mendapatkan maklumat kerjaya. Ini menunjukkan bahawa pelajar masih enggan berjumpa dengan kaunselor untuk membincangkan masalah peribadi mereka. Ini mungkin disebabkan oleh faktor budaya dan nilai orang Asia yang beranggapan bahawa seseorang itu dianggap mengalami gangguan mental jika berjumpa dengan kaunselor.

Dalam kajian soal-selidik oleh Cortale (1961) ke atas 48 orang pengetua di 28 buah sekolah, 24 orang pengetua berpendapat bahawa kaunselor harus membantu pihak sekolah menangani masalah disiplin pelajar. 66.7% responden berpendapat bahawa jika kaunselor menguruskan masalah disiplin pelajar, kerjasama rapat antara guru dengan kaunselor dapat dibentuk. Bagi 64.6% responden, mereka berpendapat bahawa penglibatan kaunselor dalam masalah disiplin pelajar di sekolah akan dapat membantu pihak pentadbir menguruskan para pelajar yang bermasalah. 91.7% responden berpendapat bahawa kaunselor di sekolah yang dikaji layak untuk mengendalikan pelbagai masalah disiplin. 62.5% pengetua pula bersetuju bahawa kaunselor akan dapat

menarik sokongan ibu bapa jika mereka membantu pihak sekolah mengendalikan masalah disiplin. 91.7% responden menyatakan bahawa hubungan antara pelajar dengan kaunselor akan terjejas jika kaunselor mengendalikan masalah disiplin. Para responden menganggap bahawa kaunselor harus memberi tumpuan kepada tingkah laku pelajar yang bermasalah dan tidak menghukum mereka kerana ini akan menjelaskan perhubungan antara pelajar dengan kaunselor.

Kajian oleh Banda (1995) di 20 buah sekolah menengah di Malawi menunjukkan hasil dapatan yang berbeza daripada hasil dapatan di atas. Melalui kajian soal-selidik dan temu ramah, Banda mengkaji pandangan kaunselor tentang pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada pelajar. 50% kaunselor mengadakan sesi kaunseling individu untuk pelajar yang menghadapi masalah sosial, akademik dan kerjaya. Walaupun kaunselor amat diperlukan di sekolah untuk membantu pelajar mengatasi masalah sosial, akademik dan kerjaya, namun kaunselor menghadapi banyak masalah dan rintangan dalam menjalankan tugas mereka. 90% responden berpendapat bahawa mereka mempunyai tanggungjawab yang berat di sekolah. Selain daripada mengadakan sesi kaunseling, kaunselor juga terpaksa mengajar seperti guru biasa. Di samping itu, 90% responden menyatakan bahawa mereka tidak mendapat sokongan daripada para guru. 95% kaunselor pula berpandangan bahawa bilangan pelajar yang terlalu ramai menyebabkan kaunselor tidak dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Sementara itu, 80% kaunselor menganggap bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dianggap sebagai aktiviti sampingan dan tidak penting oleh para pentadbir dan guru di sekolah yang dikaji. Oleh sebab tiada sokongan yang kuat daripada pentadbir dan guru sekolah, perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di Malawi tidak dapat berjalan dengan lancar.

Penyelidik mencadangkan agar para guru, pentadbir dan pelajar harus didedahkan dengan fungsi dan objektif perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan mengadakan kursus dan seminar kaunseling.

### **2.3 Peranan Dan Ciri-Ciri Kaunselor**

Dalam berurusan dengan klien atau pelajar, kaunselor harus memiliki sikap, ciri-ciri dan kemahiran kaunseling supaya dapat membantu klien bersama-sama mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh klien. Kaunselor harus bersikap terbuka, jujur, ikhlas, memahami diri klien, bersikap empati, dan sentiasa ingin membantu klien. Oleh itu tinjauan literatur ini akan membincangkan peranan dan ciri-ciri yang harus ada pada diri seorang kaunselor.

### 2.3.1 Kajian Dalam Negeri

Mhanogaran (1986) dalam kajian soal-selidik ke atas 108 orang pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di Kajang menunjukkan pelajar lelaki berpendapat kaunselor harus jujur, bersikap terbuka dan menerima pelajar. Pelajar perempuan pula berpendapat kaunselor harus memahami pelajar dan mesra terhadap pelajar.

Dalam membantu pelajar, kaunselor perlu memiliki kemahiran dan keperibadian yang menarik. Kajian soal-selidik oleh Lai Kuen Choo (1996) ke atas 120 orang pelajar tingkatan 4 di 3 buah sekolah di negeri Melaka menunjukkan, 60% pelajar berpendapat bahawa kaunselor harus bersikap terbuka dan menerima klien. 86% pelajar menyatakan bahawa kaunselor seharusnya boleh dipercayai. 80% pelajar pula beranggapan bahawa kaunselor harus dapat membantu klien mengatasi masalah klien. Menurut 84% pelajar kaunselor harus memiliki kemahiran untuk mengenal pasti masalah klien.

Bagi 90% pelajar perempuan dan 88% pelajar lelaki, mereka mengharapkan agar kaunselor bersikap peramah dan mesra terhadap klien. 75% pelajar perempuan berpendapat bahawa kaunselor harus memahami perasaan klien berbanding dengan 58% pelajar lelaki. 87% pelajar perempuan menyatakan bahawa kaunselor harus bersikap jujur berbanding dengan 82% pelajar lelaki. 68% pelajar perempuan pula berpendapat bahawa kaunselor harus menghormati klien berbanding dengan 67% pelajar lelaki.

Dapatkan kajian juga menunjukkan 98.3% pelajar mempercayai bahawa peranan kaunselor adalah untuk memberi nasihat manakala 92.5% pula berpendapat bahawa kaunselor harus membantu klien bersama-sama mencari jalan menyelesaikan masalah klien. 86.7% pelajar berpendapat bahawa peranan kaunselor adalah untuk memberi bimbingan kepada pelajar. Hanya 59.2% pelajar yang sanggup berjumpa dengan kaunselor jika mereka menghadapi masalah. Sebenarnya, para pelajar masih tidak memahami objektif dan fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Bagi mereka tugas kaunselor adalah untuk memberi nasihat kepada pelajar. Kajian ini menunjukkan bahawa masih ramai pelajar yang enggan berjumpa dengan kaunselor apabila mereka menghadapi masalah. Oleh itu, pandangan pelajar terhadap peranan kaunselor harus dibaiki demi meningkatkan keberkesanannya perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Selain daripada kajian di atas, kaunselor juga berperanan menyebarkan maklumat kerjaya kepada pelajar. Peranan kaunselor adalah amat penting dalam menggerakkan perkhidmatan kaunseling kerjaya di sekolah. Kajian soal-selidik yang dijalankan oleh Hushim bin Haji Salleh (1994) ke atas 200 orang pelajar tingkatan 4 dari aliran sains, perdagangan dan sastera di daerah Kelang menunjukkan bahawa 51.0% pelajar bersetuju dan 49% pelajar tidak bersetuju bahawa maklumat kerjaya daripada kaunselor akan dapat membantu pelajar membuat pemilihan kerjaya. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa maklumat kerjaya yang diperoleh daripada kaunselor tidak mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar iaitu tidak signifikan pada aras .59.

44.0% pelajar bersetuju bahawa pameran kerjaya akan membantu mereka memilih kerjaya berbanding dengan 56.0% pelajar yang tidak bersetuju. Bagi 65% pelajar pula, mereka bersetuju bahawa ceramah kerjaya dapat membantu mereka memilih kerjaya yang sesuai dengan diri mereka berbanding dengan 35.0% pelajar yang tidak bersetuju.

Lai Kuen Choo (1996) dalam kajiannya menunjukkan bahawa pelajar masih tidak memahami peranan kaunselor. Oleh itu, Hushim bin Haji Salleh (1984) dalam kajiannya juga bersepakat dengan Lai bahawa kaunselor harus meningkatkan keberkesanan menyebarkan maklumat kerjaya dengan memberi penerangan menyeluruh dan mendalam tentang peluang dalam bidang kerjaya yang terdapat di pasaran kepada pelajar. Oleh itu, aktiviti kerjaya harus sentiasa dijalankan oleh kaunselor di sekolah agar maklumat kerjaya dapat disebarluaskan kepada semua pelajar.

Walau bagaimanapun, Rahimah Md Sura (1991) dalam kajian soal-selidiknya di 2 buah sekolah menengah yang terdiri daripada 245 orang pelajar tingkatan 5 sains dan sastera menunjukkan perkhidmatan kerjaya di kedua-dua buah sekolah ini telah berjaya menjalankan peranannya dengan berkesan. Seramai 52.65% pelajar berpendapat bahawa guru panduan dan kerjaya di sekolah yang dikaji telah membekalkan pelajar dengan sumber maklumat kerjaya seperti akhbar, risalah dan majalah. 77.14% pelajar memilih pekerjaan ikhtisas dan teknikal sebagai pilihan pertama mereka. 33% pelajar memilih bidang pentadbiran dan pengurusan sebagai pilihan pekerjaan mereka. Bagi

bidang perkeranian, hanya 2.9% pelajar yang memilih bidang ini sebagai pilihan pekerjaan mereka. Ini berlaku disebabkan para pelajar hanya terdedah kepada pekerjaan dalam bidang ikhtisas dan teknikal. Pekerjaan dalam bidang ini dipandang tinggi dan mendapat perhatian utama masyarakat. Penyelidik berpendapat bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di kedua-dua buah sekolah ini harus mendedahkan para pelajar dengan pekerjaan lain selain daripada bidang ikhtisas dan teknikal. Dengan itu, maklumat kerjaya diharapkan dapat membantu pelajar memilih kerjaya yang sesuai dengan kebolehan, minat dan bakatnya.

### **2.3.2 Kajian Luar Negeri**

Dalam kajian soal-selidik oleh Riese dan Stoner (1969), mereka telah mengkaji peranan kaunselor dari perspektif 104 orang guru pelatih. 13% responden berpendapat bahawa kaunselor harus memainkan peranan dalam menghadapi masalah disiplin di sekolah. 53% responden juga berpendapat bahawa kaunselor berperanan membantu pelajar yang menghadapi masalah persekitaran dan keluarga. Dalam membantu pelajar memahami dan menyedari keupayaan dan kelemahan dirinya, 50% responden menyatakan bahawa kaunselor berjaya memainkan peranannya.

46% responden berpendapat bahawa kaunselor sentiasa menilai keputusan pelajar yang lemah dan mengadakan sesi kaunseling untuk membantu pelajar tersebut. Bagi 48% guru pula mereka berpendapat bahawa kaunselor berusaha membantu pelajar yang

lemah dalam bidang akademik dengan mengadakan seminar dan ceramah. Penyelidik mencadangkan mesyuarat antara kaunselor dengan para guru harus sentiasa diadakan dari semasa ke semasa bagi membincangkan peranan dan fungsi perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan lebih terperinci dalam usaha membantu para pelajar di sekolah. Kajian ini merupakan kajian yang melibatkan guru pelatih sebagai responden. Oleh itu, kajian ini tidak dapat memberi gambaran yang sebenar tentang pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kerana guru pelatih tidak bertugas di sekolah dan tidak memahami peranan kaunselor di sekolah.

Kajian yang dijalankan oleh Sherman dan Shapiro (1969) ke atas 418 orang guru di 20 buah sekolah di daerah New York dengan menggunakan kaedah soal-selidik menunjukkan 81% guru berpendapat bahawa kaunselor banyak membantu pelajar manakala hanya 11.3% berpendapat bahawa kaunselor tidak efektif dalam menjalankan tugasnya. 67% guru menyatakan bahawa kaunselor mesra dengan guru dan pelajar. Bagi 56% guru berpendapat bahawa kaunselor dapat bekerjasama dengan guru dan 35% guru menganggap kaunselor memahami para guru. Walau bagaimanapun, 81% guru mencadangkan agar perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dipertingkatkan keberkesanannya dalam membantu pelajar mengatasi masalah mereka. 43% guru berpandangan bahawa mereka dapat berkomunikasi dengan kaunselor. Hanya 12% menganggap bahawa wujud masalah komunikasi dengan kaunselor. 47% guru berjumpa dengan kaunselor untuk berbincang tentang masalah pelajar. Dalam membantu

kaunselor mengenal pasti masalah pelajar, kaunselor dan guru bekerjasama ke arah mewujudkan masyarakat pelajar yang sihat.

28% guru berpandangan bahawa kaunselor berkesan dalam membantu pelajar dan 17% guru mendapati kaunselor bersikap profesional dalam berurusan dengan para pelajar dan guru. Ini bermakna 83% guru berpendapat kaunselor tidak bersikap profesional dalam menjalankan tugasnya. Penyelidik mencadangkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dipertingkatkan.

Dalam kajian soal-selidik oleh Stewart (1961) ke atas 436 orang guru sekolah menengah dan rendah mendapati bahawa guru wanita lebih berpandangan positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berbanding dengan guru lelaki. Markat min digunakan untuk menentukan pandangan para guru terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling mengikut jantina dan status perkahwinan. Guru wanita berpandangan positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berbanding dengan guru lelaki. Skor min untuk guru lelaki ialah 0.09, manakala guru wanita ialah 1.81. Guru yang telah berkahwin berpandangan positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berbanding dengan guru yang belum berkahwin. Guru lelaki yang telah berkahwin mencatatkan markat min 56.74 berbanding dengan yang belum berkahwin pada markat min 55.15. Markat min sebanyak 58.20 dicatatkan bagi guru perempuan yang telah berkahwin berbanding dengan markat min 56.70 bagi yang belum berkahwin.

Para guru menengah bawah ("Junior High") berpandangan positif tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dengan mencatatkan markat min sebanyak 57.56 berbanding dengan markat min 56.50 yang dicatatkan oleh guru menengah atas ("Senior High"). Oleh itu, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan pandangan antara guru lelaki dengan perempuan tentang perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji.

Kajian soal-selidik oleh Dunlop (1963) pula mendapati bahawa kesemua 70 orang responden yang terdiri daripada guru bersetuju bahawa kaunselor berperanan membekalkan pelajar dengan maklumat kerjaya, mentadbir serta mentafsir ujian minat dan aptitud untuk para pelajar. Kesemua guru berpendapat bahawa kaunselor tidak harus menjalankan tugas pentadbiran. Bagi guru, kaunselor harus berusaha membantu para pelajar yang menghadapi masalah dalam bidang akademik, kerjaya dan peribadi di sekolah.

Kelly (1995) telah menjalankan kajian soal-selidik ke atas 479 orang kaunselor untuk meninjau nilai yang dimiliki oleh kaunselor. 95.8% kaunselor berpendapat bahawa mereka mengambil berat akan kebajikan individu lain. 98.4% pula berpendapat bahawa mereka sanggup memaafkan dan membantu orang lain. 85.8% pula menyatakan bahawa mereka berdisiplin dan sentiasa membaiki kelemahan diri sendiri. Walau bagaimanapun, hanya 56.4% kaunselor berpandangan bahawa mereka mempunyai pegangan agama yang kuat. Kajian ini tidak memberi gambaran yang sebenarnya tentang

nilai yang dimiliki oleh kaunselor kerana responden merupakan golongan kaunselor sendiri. Dengan memiliki sikap dan kemahiran seperti yang dinyatakan di atas, kaunselor dapat menjalankan peranannya dengan lebih efektif. Oleh itu, kaunselor dapat bekerjasama dan berganding bahu dengan para guru dalam menangani dan menghadapi masalah pelajar di sekolah.

## **2.4 Pandangan Terhadap Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling**

Secara amnya terdapat banyak kajian ilmiah yang dihasilkan oleh para penuntut, contohnya, mengenai proses pelaksanaan program bimbingan dan kaunseling di sekolah, peranan perkhidmatan kaunseling, status perkhidmatan bimbingan, persepsi pelajar terhadap perkhidmatan bimbingan dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, hanya terdapat beberapa buah kajian ilmiah tempatan yang menilai pandangan guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah. Kajian-kajian yang dimaksudkan itu ialah kajian mengenai pandangan pelajar, guru bimbingan dan pentadbir terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling oleh Symons (1977), Zoyah Haji Nordin (1989) dan kajian mengenai masalah yang dihadapi oleh guru bimbingan dalam pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah oleh Menon (1983).

## 2.4.1 Kajian Dalam Negeri

Dalam kajian yang dijalankan oleh Menon (1983) ke atas 61 orang guru bimbingan daripada 35 buah sekolah menengah di Kuala Lumpur mendapati bahawa program bimbingan dan kaunseling di sekolah menengah tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya kerana terdapat banyak masalah yang dihadapi oleh guru bimbingan. Guru bimbingan menghadapi masalah kekurangan kursus kaunseling dan sokongan daripada para pelajar, guru dan ibu bapa. Selain itu, guru bimbingan juga menghadapi masalah kekurangan masa, banyak beban kerja, ketiadaan kemudahan dan masalah kekurangan wang untuk aktiviti bimbingan dan kerjaya. 60.65 % guru bimbingan merasakan bahawa kurang separuh daripada pelajar di sekolah mengetahui peranan guru bimbingan mereka. Guru bimbingan menyatakan bahawa kesemua pelajar yang berjumpa dengan mereka untuk mendapatkan kaunseling ialah mereka yang telah dikenal pasti dan dirujuk oleh guru lain untuk berjumpa dengan kaunselor.

Pandangan Menon dipersetujui oleh Symons (1977) yang meneroka pandangan pelajar, guru bimbingan dan pentadbir terhadap program bimbingan di sekolah. Kajian ini dijalankan di 20 buah sekolah di Kuala Lumpur yang melibatkan 280 orang pelajar tingkatan 4, 25 orang pentadbir dan 20 orang guru bimbingan. Kajian meninjau pandangan pelajar, guru bimbingan dan pentadbir terhadap 4 perkhidmatan kaunseling iaitu perkhidmatan inventori individu, perkhidmatan kaunseling, perkhidmatan aktiviti pelajar dan perkhidmatan maklumat. 65% guru bimbingan dan 88% pihak pentadbir

berpandangan bahawa rekod kumulatif pelajar dapat dikemaskinikan oleh kaunselor. 44.0% responden berpendapat bahawa rekod ini tidak digunakan oleh guru untuk memahami latar belakang pelajar. Penyelidik berpendapat bahawa para guru mempunyai masa yang terhad di sekolah serta tidak memahami objektif dan faedah penggunaan rekod kumulatif ini.

97.77% pihak pentadbir dan guru bimbingan berpendapat bahawa program bimbingan adalah penting dan merupakan sebahagian daripada sistem pendidikan kita. Dengan itu, guru harus dibekalkan dengan maklumat tentang keupayaan, aptitud dan minat pelajar kerana tanpa maklumat tersebut, para guru tidak dapat memahami dan membantu pelajar di sekolah.

Bagi Zoyah Haji Nordin (1989) penemuan kajiannya lebih menggalakkan dibandingkan dengan kajian-kajian yang telah disebutkan di atas. Beliau mendapati bahawa para pentadbir, guru kaunseling dan guru di negeri Selangor berpandangan positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah melalui kaedah temu bual, lawatan, penyelidikan melalui bahan bercetak dan soal-selidik yang melibatkan 16 orang pentadbir, 18 orang kaunselor dan 85 orang guru kanan mata pelajaran di 9 buah sekolah di negeri Selangor. 45.3% responden berpendapat bahawa perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sering kali wujud di sekolah mereka. Bagi 37.2% responden pula berpendapat bahawa perkhidmatan ini kadang-kadang wujud dan 17.5% berpendapat bahawa perkhidmatan ini tidak pernah wujud di sekolah yang dikaji.

57.1% responden beranggapan bahawa guru kaunseling seringkali memiliki personaliti yang sesuai dengan peranan mereka. Peratus guru yang beranggapan guru kaunseling tidak seringkali memiliki personaliti yang sesuai dengan peranan mereka ialah 39.5% berbanding dengan 3.4% responden yang bertanggapan guru kaunseling tidak pernah mempunyai personaliti yang sepadan dengan peranannya. Berkenaan dengan kegigihan guru kaunseling, 57.1% responden beranggapan bahawa guru kaunseling di sekolah mereka berdedikasi terhadap tugas mereka. 41.2% responden berpendapat bahawa guru kaunseling kadang-kadang sahaja menjalankan tugas dengan penuh dedikasi. Hanya 1.7% responden yang berpendapat guru kaunseling mereka tidak berdedikasi.

78.2% responden menganggap bahawa guru kaunseling seringkali bersedia menemui pelajar yang bermasalah. 20.2% responden berpendapat bahawa guru kaunseling tidak seringkali bersedia untuk membantu pelajar yang bermasalah. Sementara itu, 1.7% responden bertanggapan bahawa guru kaunseling tidak pernah bersedia untuk menemui pelajar. 65.5% responden berpendapat bahawa guru kaunseling di sekolah mereka dapat bekerjasama dan mempunyai hubungan yang baik dengan guru lain. Peratus responden yang berpendapat bahawa hubungan antara guru kaunseling dengan para guru kadang-kadang baik dan kadang-kadang tidak ialah 31.9%. Hanya 2.4% responden yang menyatakan hubungan guru kaunseling dengan guru-guru lain sebagai tidak pernah baik.

Kajian ini merupakan kajian terperinci yang meminta responden memberi pandangan mereka tentang pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melalui kaedah temu ramah. Responden juga diminta mengisi borang soal-selidik tentang maklumat latar belakang program bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji, maklumat asas responden dan penilaian responden tentang pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah yang dikaji. Kajian ini dapat menilai pandangan para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.

Walau bagaimanapun kajian yang dijalankan oleh Dr Suradi Salim (1992) yang melibatkan 814 buah sekolah menengah dan 814 orang guru bimbingan di Malaysia melalui kaedah soal-selidik menunjukkan hasil yang berbeza. 39.7% guru bimbingan dan kaunseling berpendapat bahawa sambutan guru terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling menggalakkan berbanding dengan hanya 6.1% yang berpendapat sambutan guru sangat menggalakkan. Manakala 41.6% guru bimbingan dan kaunseling menyatakan perkhidmatan kaunseling mendapat sambutan sederhana daripada para guru. Hanya 9.8% guru bimbingan dan kaunseling berpendapat sambutan guru tidak menggalakkan berbanding dengan 2.8% guru yang menganggap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling tidak diperlukan di sekolah.

Antara masalah yang diutarakan oleh responden dalam kajian ini ialah masalah kerjasama daripada para guru, pentadbir dan ibu bapa. 26.9% responden menyatakan bahawa mereka tidak mendapat kerjasama daripada para guru dan 13.4% pula

berpendapat bahawa guru berpandangan negatif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Oleh itu, penilaian harus dijalankan dari semasa ke semasa untuk meningkatkan keberkesanannya perkhidmatan ini.

#### **2.4.2 Kajian Luar Negeri**

Hasil kajian oleh Pershing dan Demetropoulos (1981) menunjukkan secara keseluruhannya para guru berpendapat bahawa perkhidmatan kerjaya adalah penting di sekolah. Kajian soal-selidik ke atas 248 orang guru menggunakan markat min untuk menilai pandangan guru terhadap kepentingan perkhidmatan kerjaya di sekolah yang dikaji. Para guru berpendapat bahawa kaunselor dapat membantu pelajar dalam menghadapi masalah pembelajaran di sekolah dengan mencatatkan markat min sebanyak 4.37. Penyelidik juga mencadangkan agar kaunselor memberi kursus kepada para guru tentang peranan kaunselor supaya para guru dapat memahami peranan kaunselor. Dengan itu para guru dapat membantu kaunselor mengatasi masalah pelajar di sekolah.

Para guru berpandangan bahawa kaunselor dapat membantu pelajar memahami diri dan potensi mereka dengan mencatatkan markat min sebanyak 4.56. Para guru berpendapat bahawa kaunselor dapat membantu pelajar membuat perancangan pendidikan dan keputusan dalam bidang kerjaya dengan mencatatkan markat min sebanyak 4.64. Guru juga berpandangan bahawa kaunselor membantu pelajar memilih mata pelajaran yang sesuai dengan pekerjaan yang terdapat di pasaran dengan markat

min sebanyak 4.50. Walau bagaimanapun untuk menganalisis pandangan para guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, peratus dan kekerapan merupakan kaedah analisis yang lebih tepat untuk menggambarkan pandangan para guru berbanding dengan markat min.

Pendapat ini disokong oleh L. Gibson (1986) dalam kajian soal-selidiknya ke atas 180 orang guru di 19 buah sekolah menengah. 81.4% guru berpendapat bahawa kaunselor harus bekerjasama dengan para guru dan masyarakat. Sebanyak 88.8% guru berpendapat bahawa guru harus berkongsi maklumat tentang pelajar dengan kaunselor dan 96.2% berpendapat bahawa kaunselor tidak harus menghukum pelajar. Bagi 81.4% guru, mereka berpandangan bahawa kaunselor harus mengadakan kursus kaunseling untuk para pelajar. Mereka juga berpendapat bahawa perkhidmatan kaunseling individu merupakan perkhidmatan yang paling penting di sekolah. Ini diikuti dengan perkhidmatan maklumat kerjaya. Pentadbiran dan penilaian ujian merupakan perkhidmatan yang ketiga terpenting menurut pandangan para guru. Para guru juga berpendapat bahawa kaunselor harus melibatkan diri dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dan bukannya dalam kerja-kerja pentadbiran di sekolah.

Kajian perbandingan oleh Valine, Higgins dan Thatcher (1980) menunjukkan 35% responden tidak pasti tentang peranan kaunselor apabila kajian dijalankan pada tahun 1972 dan 1980. Pada tahun 1972 sebanyak 103 orang guru di 17 buah sekolah terlibat dalam soal-selidik ini, manakala 100 orang guru di 16 buah sekolah terlibat dalam kajian

ini pada tahun 1980. Hanya 38% responden pada tahun 1972 percaya bahawa kaunselor dapat membantu pelajar menghadapi dan mengatasi masalah mereka, dan angka ini meningkat kepada 56% pada tahun 1980. 58% guru pada tahun 1980 mempersoalkan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berbanding dengan 13% pada tahun 1972.

15% guru pada tahun 1972 berpandangan bahawa tugas kaunselor adalah untuk mengendalikan masalah disiplin berbanding dengan hanya 4% pada tahun 1980. 27% guru pada tahun 1972 berpandangan bahawa guru tidak memahami peranan kaunselor berbanding dengan 14% pada tahun 1980. 46% guru pada tahun 1972 berpendapat bahawa mereka akan berbincang dengan kaunselor tentang masalah emosi pelajar berbanding dengan 79% guru pada tahun 1980. Para guru pada tahun 1980 lebih berpandangan positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling berbanding dengan para guru pada tahun 1972. Ini mungkin disebabkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling dapat meningkatkan keberkesanannya dalam membantu pelajar menghadapi masalah akademik, kerjaya dan peribadi di sekolah.

Gysbers, Hughey dan Starr (1992) dalam kajiannya yang melibatkan 150 orang guru telah menunjukkan bahawa 80% guru berpendapat kaunselor memang merancang aktiviti bimbingan dan kaunseling untuk pelajar serta selalu mengadakan kursus kaunseling untuk para guru. 26% guru berpandangan bahawa kaunselor memang aktif menjalankan aktiviti bimbingan dan kaunseling di bilik darjah.

Daripada kajian-kajian yang telah dinyatakan di atas, terdapat pelbagai penilaian yang telah dijalankan terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Oleh itu kajian selanjutnya harus dijalankan untuk menilai pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling sejak penempatan kaunselor sepenuh masa di sekolah.

## **2.5 Kesimpulan**

Walaupun perkhidmatan kaunseling sudah lama wujud di negara ini, tetapi perkhidmatan kaunseling masih dipandang negatif oleh para guru berbanding dengan kajian-kajian yang dijalankan di luar negeri. Tinjauan kajian tempatan yang lepas mendapati bahawa para guru masih tidak memahami konsep, objektif dan falsafah perkhidmatan kaunseling itu sendiri.

Fenomena ini adalah berbeza di luar negeri terutamanya di Amerika Syarikat. Kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa kebanyakan guru di sekolah dan pusat pengajian tinggi di luar negeri mempunyai pandangan positif terhadap perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ini mungkin disebabkan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling telah lama wujud di Amerika Syarikat sejak awal tahun 1900 berbanding dengan di negara kita.

Kajian penilaian guru terhadap pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling harus dijalankan agar dapat mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh para guru

apabila berurusan dengan kaunselor di sekolah. Penilaian para guru diharapkan dapat membaiki kelemahan yang terdapat dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah.